

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
(SIPITANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 17.05.2016

Y.B. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah bayaran disalurkan untuk Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) pada tahun ini dan apakah ada sebarang kes cubaan penipuan dikesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bayaran yang telah disalurkan untuk BR1M 2016 sehingga sekarang adalah berjumlah RM5,130,669,550 seperti berikut:

PERMOHONAN	LULUS
-------------------	--------------

Bilangan	Bilangan	RM
	7,075,831	5,130,669,550
Peserta e-kasih (dibawah RM1,000)	162,535	170,661,750
Isirumah (dibawah RM3,000)	3,405,311	3,405,311,000
Isirumah (RM3001-RM4,000)	378,757	303,005,600
Bujang (dibawah RM2,000)	3,129,228	1,251,691,200

Untuk makluman, jumlah tersebut belum mengambilkira kelulusan bagi permohonan rayuan.

Bagi kes penipuan pula, tiada penipuan secara khusus yang dikenalpasti oleh Sekretariat BR1M. Bagi memastikan hanya mereka yang layak sahaja menerima BR1M, Kementerian Kewangan melalui agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri akan membuat semakan semula permohonan BR1M termasuk penerima sedia ada pada setiap tahun. Proses verifikasi secara menyeluruh pada setiap tahun dengan membuat semakan data-data bersama pelbagai agensi, antaranya Jabatan Pendaftaran Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan.

Berdasarkan semakan yang dibuat, sebab-sebab utama kegagalan

permohonan BR1M 2016 adalah seperti berikut:

Bil	Faktor Permohonan BR1M ditolak	Peratus
1	Semakan data agensi mendapati pemohon individu mempunyai pendapatan melebihi RM2,000	24%
2	Semakan data agensi mendapati pemohon isi rumah mempunyai pendapatan melebihi RM4,000	21%
3	Pemohon disenaraikan sebagai penerima Baucar Buku 2016	15%
4	Pemohon/pasangan telah wujud sebagai pemohon/pasangan permohonan lain (duplikasi)	10%
5	Maklumat pasangan berbeza dengan data Jabatan Pendaftaran Negara dan memerlukan pengesahan	10%
6	Sebab-sebab lain	20%